

Amah cuti sehari seminggu

Risiko pembantu lari lebih tinggi

>>Oleh Faizatul Farlin
Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Pada masa ini pun, mereka (pembantu rumah) lari walaupun tidak diberi cuti dan pasport dipegang majikan, bayangkan apa yang akan berlaku apabila mereka mendapat kebebasan ini," kata Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan.

Katanya, peraturan baru yang mewajibkan majikan memberi cuti sehari seminggu kepada pembantu rumah warga Indonesia serta membenarkan mereka menyimpan pasport sendiri dilihat bakal mengundang pelbagai masalah baru kepada majikan sehingga mampu merencat-



SHAMSUDDIN...bimbang majikan jadi mangsa

kan pembangunan negara.

Beliau berkata, pihaknya tidak bersetuju dengan langkah itu kerana tidak mencapai objektif pengambilan pembantu rumah oleh majikan yang rata-ratanya suami isteri bekerja.

"Kelonggaran itu bakal

meningkatkan risiko pembantu rumah lari dari rumah serta menimbulkan masalah sosial baru seperti pembantu rumah mengandungi anak luar nikah.

"Jangan terkejut pula nanti apabila pelbagai masalah baru timbul dan majikan menjadi mangsa," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas keputusan kerajaan mewajibkan cuti sehari seminggu kepada pembantu rumah warga Indonesia dan membayar mereka kerana bekerja pada hari bercuti jika kedua-dua pihak bersetuju pembantu rumah tidak bercuti.

Selain itu, Rundingan Tahunan Ketujuh antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, kelmarin turut

menggariskan pembantu rumah dibenarkan menyimpan pasport mereka kecuali kedua-dua pihak bersetuju ia disimpan majikan.

Shamsuddin berkata, kebanyakan pembantu rumah sudahpun diberi cuti panjang oleh majikan pada Aidilfitri, malah ada antara mereka bercuti antara satu bulan hingga setahun.

Katanya, pemberian cuti seminggu sekali itu tidak memanfaatkan majikan kerana objektif utama pengambilan pembantu rumah adalah untuk menjaga anak atau ibu bapa yang uzur.

"Sehubungan itu, pusat jajaan dengan kadar berpautan perlu diperbanyakkan supaya tiada sebab untuk kita bergantung kepada sehingga 300,000 pembantu rumah asing," katanya.